Mesej Sepuluh

Dikonform kepada Kematian Kristus dan Mencapai Kebangkitan Unggul Itu

Bacaan Bible: Flp. 3:10-11

I. Dalam Filipi 3:10, Paulus berbicara tentang "dikonform kepada kematian-Nya"; ungkapan ini menunjukkan bahawa Paulus berhasrat untuk mengambil kematian Kristus sebagai acuan kehidupannya:

A. Keunggulan pengetahuan terhadap Kristus, mengira segala sesuatu sebagai kerugian, beroleh Kristus, didapati berada dalam-Nya, mengenali-Nya, mengenali kudrat kebangkitan-Nya, dan mengenali persekutuan penderitaan-Nya semuanya menghasilkan satu perkara—dikonform kepada kematian Kristus—ay. 7-10.

B. Dikonform kepada kematian Kristus ialah asas bagi pengalaman terhadap Kristus—1:20-21a; 3:9-10.

C. Acuan kematian Kristus merujuk kepada tindakan Kristus terus-menerus mematikan hayat insani-Nya yang alamiah, supaya Dia dapat hidup melalui hayat Tuhan—Yoh. 6:57a:

1. Ketika Tuan Yesus berada di bumi, Dia menjalani kehidupan yang tersalib; dengan menjalani kehidupan yang tersalib, Dia hidup terhadap Tuhan dan Dia berhidupkan Tuhan.
2. Dia sentiasa mematikan hayat insani-Nya supaya hayat divin dalam-Nya dapat mengalir keluar—10:10b-11, 17.
3. Semasa Dia hidup, Dia juga sedang mati—mati terhadap ciptaan lama untuk hidup dalam hayat ciptaan baru; inilah makna *kematian-Nya* dalam Filipi 3:10.

D. Kematian Kristus ialah acuan untuk kita dikonform kepadanya; hal ini sama seperti doh diletakkan ke dalam acuan kek dan dikonform kepadanya:

1. Tuhan telah meletakkan kita ke dalam acuan kematian Kristus, dan hari demi hari Tuhan sedang membentuk kita untuk mengkonform kita kepada kematian ini—Roma 6:3-4.
2. Kehidupan kita harus dikonform kepada acuan ini—mati terhadap hayat insani kita untuk berhidupkan hayat divin—Gal. 2:20; 2 Kor. 4:10-11.
3. Jika kita mematikan hayat alamiah kita, kita akan menyedari bahawa kita mempunyai satu lagi hayat, iaitu hayat divin, dalam kita; hayat ini akan dibebaskan, dan kemudian dalam pengalaman kita, kita akan dikonform kepada kematian Kristus—Yoh. 10:10b; 1 Yoh. 5:11-12.
4. Dalam acuan kematian Kristus, manusia alamiah dibunuh, manusia lama disalibkan, dan diri dimansuhkan—2 Kor. 4:16; Roma 6:6; Mat. 16:24.
5. Jika kita membenarkan sekitaran kita menekan kita ke dalam acuan ini, kehidupan harian kita akan dibentuk ke dalam rupa kematian Kristus—Roma 8:28-29.
6. Kita dikonform kepada acuan kematian Kristus melalui kudrat kebangkitan Kristus—Flp. 3:10; Yoh. 11:25; Ef. 1:19-20; Kid. 2:8-13.

E. Ketika kita dikonform kepada kematian Kristus, kita mengalami kematian-Nya yang menyempurnakan segala-gala:

1. Dengan dikonform kepada kematian-Nya, kita mengalami Kristus dalam kematian-Nya bagi pembebasan, penyaluran, dan pelipatgandaan hayat—Yoh. 12:24-25; 2 Kor. 4:12.

2. Satu-satunya cara untuk memuliakan Tuhan adalah dengan dikonform kepada kematian Kristus; semakin kita dikonform kepada kematian Kristus, semakin kita memuliakan Bapa—Yoh. 12:28; 13:31.
3. Apabila kita mati dalam kematian Kristus dan dikonform kepada kematian-Nya, kita akan menjadi magnet yang menarik orang lain kepada Kristus—12:32.
4. Semakin kita mati bersama dengan Kristus, semakin kita menyelamatkan hayat-sukma kita hingga ke hayat abadi—ay. 25.
5. Sekiranya kita rela dikonform kepada kematian Kristus, kita akan jayeng atas dunia dan menewaskan Syaitan—ay. 31; Ibr. 2:14.

II. Hasil daripada dikonform kepada kematian Kristus ialah kita dapat mencapai atau sampai ke tahap kebangkitan unggul itu daripada yang mati—Flp. 3:11:

A. Kebangkitan unggul ialah kebangkitan terulung, kebangkitan istimewa yang akan menjadi hadiah kepada pekudus jayeng—Wahi 20:4, 6:
   1. Semua percayawan yang mati dalam Kristus akan berbahagian dalam kebangkitan daripada yang mati ketika Tuan kembali—1 Tes. 4:16; 1 Kor. 15:52.
   2. Para pejayeng Tuan akan menikmati suatu bahagian yang istimewa dan terulung daripada kebangkitan itu, yakni kebangkitan yang dalamnya mereka akan menerima ganjaran kingdom; inilah yang dikejar oleh dutus Paulus—Ibr. 11:35, 26.
   3. Kebangkitan unggul harus menjadi matlamat dan destinasi kehidupan Kristian kita—Flp. 3:11-15a.

B. Mencapai kebangkitan unggul bererti sampai ke tahap kebangkitan unggul; ini memerlukan kita berlari dalam perlumbaan dengan jayeng untuk mendapat hadiah itu.

C. Mencapai kebangkitan unggul bermaksud seluruh diri kita dibangkitkan secara beransur-ansur dan berterusan—1 Tes. 5:23:
   1. Mula-mula Tuhan membangkitkan roh kita yang mati; kemudian Dia terus membangkitkan sukma kita dan tubuh kita yang akan mati sehingga seluruh diri kita, iaitu roh, sukma, dan tubuh dibangkitkan sepenuhnya daripada diri lama kita melalui hayat-Nya dan dengan hayat-Nya—Ef. 2:5-6; Roma 8:6, 11.
   2. Sekiranya kita dikonform kepada kematian Kristus, setiap bahagian diri kita akan dibangkitkan secara beransur-ansur; oleh itu, kehidupan orang Kristian ialah proses kebangkitan.
   3. Kita dapat mencapai matlamat ini hanya dengan dikonform kepada kematian Kristus dengan menjalani kehidupan tersalib—Flp. 3:10-11.
   4. Dalam kematian Kristus, kita melalui proses daripada ciptaan lama kepada ciptaan baru—ay. 10-11; 2 Kor. 5:17.

D. Kebangkitan unggul ialah kebangkitan yang keluar daripada ciptaan lama ke dalam ciptaan baru—Gal. 6:15; 2 Kor. 5:17:
   1. Berada dalam kebangkitan unggul bermaksud meninggalkan segala-gala kepunyaan ciptaan lama dan dibawa ke dalam Tuhan.
   2. Dalam kebangkitan unggul, tidak ada elemen ciptaan lama; sebaliknya, segala-galanya dipenuhi elemen divin—Wahi 21:5a.

E. Bagi Paulus, hidup adalah Kristus yang merupakan kebangkitan unggul itu—Flp. 1:21a; 3:11:
   1. Kebangkitan unggul sebenarnya ialah persona Kristus yang dikasihi, mestika, dan unggul, yakni Dia yang telah keluar daripada ciptaan lama dan masuk

ke dalam Tuhan menerusi penyaliban dan kebangkitan—Yoh. 14:3, 20; Ibr. 6:19-20.

2. Kristus yang harus kita hidupkan itu sendiri ialah kebangkitan unggul itu—Flp. 1:21a; 3:11; Yoh. 11:25.

F. Dalam Filipi 3:12 Paulus telah beroleh penyelamatan yang sama yang dimiliki percayawan melalui iktikad yang dimiliki bersama percayawan, tetapi dia masih belum beroleh bahagian kebangkitan yang istimewa:

1. Untuk beroleh bahagian ini, dia perlu mengejar, berlari, dan menamatkan perlumbaannya dengan jayeng—2 Tim. 4:7-8.
2. Perkataan Yunani untuk *mengejar* dalam Filipi 3:12 ialah perkataan yang sama dengan perkataan Yunani untuk *menindas;* perkataan ini juga bermakna "maju ke depan, mengikut":
   a. Dengan cara demikian Paulus berlari dalam perlumbaan untuk mendapat hadiah dan mencapai kematangan.
   b. Sebelum diselamatkan, dia menindas Kristus; selepas diselamatkan, dia mengejar Kristus sampai ke tahap menindas Kristus, tetapi secara positif.

G. Kita perlu dikonform kepada kematian Kristus supaya dengan cara apa pun kita dapat mencapai kebangkitan unggul daripada yang mati; inilah satu-satunya cara untuk Tuan terus maju dalam pemulihan-Nya, satu-satunya cara untuk Tuan membina gereja-Nya, satu-satunya cara untuk mempersiapkan pengantin perempuan, dan satu-satunya cara untuk membawa Tuan kembali—ay. 10-11; Mat. 16:18; Wahi 19:7-9a; 22:14, 20.

© 2026 Living Stream Ministry